

## *Meningkatkan Pelibatan Murid Melalui Portal SLS Bagi PdP Penulisan Karangan*

**Haslinda Ibrahim**

haslinda\_ibrahim@schools.gov.sg

**Haslila Tahir**

Haslila\_tahir@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Innova**

### *Abstrak*

Murid Darjah 4, memerlukan sokongan dalam melaksanakan tugas menulis. Murid menghadapi cabaran untuk mengembangkan plot dan kurang menggunakan ayat aktif dalam karangan. Murid juga menghadapi masalah menghubungkan idea-idea dalam karangan mereka. Kajian ini dijalankan untuk memberi tumpuan kepada penggunaan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) dan rutin berfikir untuk menyokong pembelajaran murid dalam penulisan karangan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan pembelajaran secara kolaboratif antara murid melalui penggunaan templat rutin berfikir secara 'Live'. Melalui portal SLS ini, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam menjana dan berkongsi idea. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dapat belajar dengan berkesan secara kolaboratif melalui portal SLS.

Kata Kunci: SLS, rutin berfikir, kolaboratif

## **PENGENALAN**

Pelibatan murid secara aktif merupakan satu langkah pembelajaran yang sangat digalakkan dan dapat memberi banyak kebaikan untuk murid. Salah satu cara untuk memastikan pelibatan yang aktif adalah dengan menggunakan portal ICT dan pembelajaran secara kolaboratif. Penggunaan ICT ini dapat memastikan setiap murid dapat memberikan respons dan dapat berkongsi idea. Pada masa yang sama, pembelajaran seperti ini dapat menimbulkan keseronokan belajar pada diri murid. Melalui tugas kolaboratif, murid boleh berkongsi idea berkenaan topik atau gambar yang dibincangkan. Daripada perkongsian ini, mereka dapat membina idea-idea baharu. Murid Darjah 4 yang masih memerlukan perancangan untuk menulis karangan dengan baik, boleh dibantu melalui fitur-fitur yang terdapat di portal SLS. Perancangan ini disediakan pada peringkat awal semasa mereka membuat karangan. Perancangan yang berbentuk soalan untuk menggalakkan murid berfikir dapat disediakan melalui templat rutin berfikir. Murid juga berpeluang untuk mengasah dan mengukuhkan kemahiran berfikir mereka serta mendalami pemahaman mereka dalam topik yang dibincangkan. Templat rutin berfikir yang terdapat di portal SLS ini mudah diubahsuai supaya murid terarah dalam melaksanakan tugas mereka. Tunjuk cara atau modeling daripada guru dapat memastikan bahawa murid dapat melaksanakan tugas sekaligus berkolaborasi dengan rakan sedarjah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan guru, murid mudah berasa bosan semasa melakukan karangan secara individu. Mereka juga tidak mampu mengembangkan idea dan mempunyai kosa kata terhad yang menghambat mereka untuk menghasilkan karangan yang baik. Selain itu, murid sering menghasilkan karangan yang kurang kohesif. Penggunaan imbuhan 'me-' juga kurang digunakan dalam karangan. Malah, mereka juga kurang menggunakan kata hubung untuk menghubungkan idea dan perenggan.

Guru juga mendapati bahawa murid lebih cenderung dalam pembelajaran yang melibatkan kolaborasi di antara rakan-rakan. Mereka dapat membina



idea baharu dengan berbincang dengan rakan. Melalui tugas kolaboratif ini, murid boleh membantu di antara satu sama lain. Selain itu, dalam era digital ini, penggunaan ICT dalam pembelajaran disukai oleh murid. Tugas kolaboratif menjadi lebih mudah melalui ICT kerana ciri-ciri yang memudahkan pembelajaran ada disediakan. Justeru, pengajaran berbentuk kolaboratif melalui portal SLS ini diperkenalkan kepada murid supaya mereka dapat belajar secara kolaboratif dan berasa gembira semasa belajar dalam suasana yang selesa.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid menulis karangan yang kohesif; dan
2. menggalakkan murid belajar secara kolaboratif dengan penggunaan portal SLS.

## **KAJIAN LEPAS**

Barkley (2002) menjelaskan bahawa pembelajaran secara kolaboratif ialah aktiviti yang melibatkan murid bekerjasama secara berpasangan atau berkumpulan bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau mencapai matlamat pembelajaran yang sama.

Jonassen, Howland, Marra dan Crismond (2008) pula berpendapat, pembelajaran yang melibatkan teknologi, akan membantu menghasilkan pemikiran yang produktif, keupayaan memahami situasi serta hasil pembelajaran itu sendiri. Chai dan Tan (2006) berpendapat bahawa penggunaan ICT mendukung pembelajaran ke arah sendiri dan pembelajaran kolaboratif boleh mendatangkan banyak faedah. Lantas berdasarkan kajian ini, pengkaji mengambil langkah yang sama untuk mengatasi permasalahan yang telah dikenal pasti oleh guru.



## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang berstruktur serta melalui beberapa peringkat iaitu penerangan, modeling dan latihan. Untuk memastikan kolaborasi yang efektif di antara murid, portal SLS telah digunakan untuk memberi peluang kepada mereka berinteraksi dan berkolaborasi dengan lebih selesa.

Pembinaan pembelajaran yang disediakan melalui portal SLS juga dapat memastikan pembelajaran yang dilalui murid mengikut aspek *Active Learning Processes* (ALP) yang berstruktur untuk memastikan pelibatan murid secara aktif. Untuk melihat keberkesanan penggunaan portal SLS ini, murid telah diberi borang maklum balas untuk berikan pendapat mereka tentang pembelajaran menggunakan portal SLS.

### Subjek Kajian

Murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid Darjah 4 yang mempunyai tahap kebolehan yang pelbagai. Seramai 75 murid terlibat dalam kajian ini. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan. Kemahiran menulis dipilih sebagai subjek kajian kerana melalui proses mengasah kemahiran menulis, murid-murid akan diajar tentang pelbagai aspek tatabahasa yang sekaligus dapat memperkasakan penguasaan bahasa Melayu mereka.

### Instrumen Kajian

Portal SLS digunakan kerana adanya kerangka ALP yang boleh diguna pakai oleh guru. Melalui kerangka ALP ini, murid terarah dalam menyelesaikan tugas dan melibatkan diri secara aktif. Templat rutin berfikir yang terdapat di dalam SLS merupakan satu bahagian yang boleh dipelbagaikan secara fleksibel. Guru dapat mengubahsuai templat tersebut untuk mencapai objektif pembelajaran. Melalui kemudahan templat rutin berfikir, murid dapat menjana serta melontarkan idea secara serentak. Murid dapat berkolaborasi dalam memberikan idea kepada rakan-rakan atau memberikan maklum balas



terhadap respons yang diberikan murid.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan sepanjang dua minggu sebanyak 6 sesi pada Penggal 1. Guru menerapkan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang diutarakan oleh Rosenshine (1985). Pada sesi pertama hingga tiga, fokus pembelajaran hanyalah menjana idea bagi aspek tatabahasa bagi Gambar 1 hingga 4. Pada sesi empat hingga lima, fokus pembelajaran adalah menulis perenggan.

Pada sesi pertama, guru menerangkan objektif pelajaran hari itu. Guru juga menerangkan secara eksplisit aspek tatabahasa yang ingin diajarkan. Pada sesi kedua, murid akan menggunakan portal SLS. Murid mengimbas kembali atau mengukuhkan pemahaman tentang aspek tatabahasa yang telah diajarkan pada sesi pertama. Guru menerangkan objektif pelajaran bagi sesi kedua serta cara menjalankan aktiviti mengikut prosedur ALP. Guru juga akan menunjukkan contoh atau modeling pada tahap ini untuk membantu murid.

Murid menonton video untuk mencungkil pengetahuan sedia ada mereka tentang aspek tatabahasa (ayat aktif, ayat pasif, kata hubung dan penanda wacana). Kemudian, dalam proses menggalakkan murid berfikir dan berbincang, murid diberikan perancangan oleh guru untuk menjana idea secara kolaboratif. Dalam langkah ini, mereka menjana idea tentang Gambar 1 dan 2 dengan menggunakan aspek tatabahasa yang telah disebutkan tadi. Melalui proses kolaboratif ini, murid secara serentak menuliskan jawapan mereka dan saling membantu dalam menyemak jawapan rakan. Guru juga menyemak jawapan murid dan memberi maklum balas dengan segera melalui sesi 'Live'. Proses ini diulang bagi setiap gambar bersiri sehingga keempat-empat gambar karangan bersiri selesai. Proses ini akan mengambil masa selama tiga sesi.

Pada sesi keempat, guru menunjukkan contoh membuat perenggan pertama berdasarkan gambar yang diberikan dengan menggunakan ayat aktif, ayat pasif, penanda wacana dan kata hubung yang telah murid janakan pada sesi dua hingga tiga. Kemudian, murid membuat perenggan dua bagi Gambar



2 secara individu. Pada sesi kelima, murid menyelesaikan perenggan tiga dan empat pula secara individu. Pada sesi keenam pula, murid menggabungkan keempat-empat perenggan menjadi satu karangan yang utuh.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Satu sesi mengumpul maklum balas telah diadakan untuk memperoleh maklumat terperinci mengenai kajian ini. Berdasarkan maklum balas yang diberikan murid, jelas strategi yang digunakan menunjukkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada hari tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, murid gemar menggunakan ICT dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Jadual 1 memberikan gambaran jelas akan tahap keseronokan kerana persekitaran pembelajaran yang tidak tertekan.

**Jadual 1: Analisis Maklum Balas Murid**

| S/N | Soalan  | ML (%) |
|-----|---|--------|
| 1   | Saya membaca respons rakan di SLS.  | 96     |
| 2   | Saya memberi komen atau maklum balas terhadap respons rakan saya di SLS.                      | 44     |
| 3   | Saya pelajari sesuatu daripada respons rakan di SLS.  | 84     |
| 4   | Saya berasa gembira jika aktiviti pembelajaran menggunakan SLS.                               | 96     |
| 5   | Penggunaan komputer membantu saya dalam pembelajaran.   | 64     |
| 6   | Saya lebih suka menggunakan teknologi semasa belajar berbanding pembelajaran tanpa teknologi. | 76     |
| 7   | Saya boleh berkolaborasi dengan rakan melalui platform SLS.                                   | 84     |

Analisis data ini juga mendapati bahawa murid suka berkolaborasi dengan rakan. Murid dapat membaca respons rakan untuk mendapatkan idea dan membina idea baharu. Namun begitu, murid masih kurang memberikan maklum balas terhadap respons rakan mereka. Ini mungkin kerana kesuntukan masa.



**Jadual 2: Maklum Balas Murid**

| No | Perkara  | %  |
|----|--|----|
| 1  | Saya faham apa yang guru ajarkan.                  | 90 |
| 2  | Saya menggunakan cara Permulaan yang guru ajarkan. | 75 |
| 3  | Saya tahu apa itu Ayat Aktif.                      | 80 |
| 4  | Saya gunakan Ayat Aktif dalam karangan.            | 85 |
| 5  | Saya gunakan Penanda Wacana dalam karangan.        | 80 |
| 6  | Saya gunakan Kata Hubung dalam karangan.           | 80 |
| 7  | Saya menggunakan cara Penutup yang guru ajarkan.   | 76 |

Berdasarkan Jadual 2, murid menggunakan aspek tatabahasa yang telah diperkenalkan untuk membina karangan yang lebih kohesif. 85% orang murid menggunakan ayat aktif di dalam karangan, 80% orang murid pula menggunakan penanda wacana dan kata hubung di dalam penulisan karangan.

**Jadual 3: Perbandingan Peratusan Kelulusan SA1 Dan SA2**

| Kertas   | SA1 (%) | SA2 (%) |
|----------|---------|---------|
| Karangan | 71      | 75      |

Satu perbandingan pencapaian murid berdasarkan keputusan peperiksaan SA1 dan SA2 telah dilakukan. Pencapaian murid di dalam kertas karangan menunjukkan satu peningkatan sebanyak 4%.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu, murid dapat menulis karangan secara kohesif. Murid mampu mengaplikasikan pengajaran tatabahasa yang diajarkan guru. Portal SLS yang dilengkapi dengan templat rutin berfikir juga telah membantu dan menggalakkan murid belajar secara kolaboratif dengan penggunaan portal SLS. Berdasarkan dapatan ini juga, murid berasa seronok di dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Rafeah Ali



## **RUJUKAN**

- Lewis, C. C. (2002). *Lesson Study: A handbook of teacher-led instructional change.*: Research fr Better Schools, Inc. Philadelphia
- Johnson, Colleen (2002). 'Drama and metacognition' in early child development and care, 172:6,595-602.
- Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press

